

Makemake: Si Kerdil yang Berpengaruh

written by Hazrul | 17/07/2023

Imej daripada Teleskop Angkasa Hubble ini menemukan bulan pertama yang pernah ditemui di sekitar planet kerdil Makemake.

Satelit kecil yang terletak betul-betul di atas Makemake hampir tidak dapat dilihat kerana ia tampak samar-samar di sebalik kilauan terang planet kerdil tersebut.

Kamera Medan Lebar 3 (Wide Field Camera 3) pada Teleskop Angkasa Hubble telah membuat pemerhatian ini pada April 2015.

Sumber: NASA, ESA, dan A. Parker dan M. Buie (SwRI)

Makemake dinamakan bersempena dengan dewa kesuburan kelompok etnik Rapa Nui. Dengan ukuran jejari kira-kira 444 batu (715 kilometer), Makemake hanyalah bersaiz sekitar 1/9 ukuran jejari Bumi. Sekiranya Bumi adalah saiz nikel, Makemake akan menjadi kira-kira sebesar benih biji sawi.

Jarak purata Makemake dari Matahari ialah 4.253 bilion batu (6.847 bilion kilometer), yakni sekitar 45.8 unit astronomi (A.U.) dari Matahari. Cahaya matahari akan mengambil masa selama 6 jam dan 20 minit untuk sampai ke permukaan Makemake.

Planet kerdil ini mengambil masa selama 305 tahun Bumi untuk membuat satu pusingan mengelilingi Matahari. Sementara itu, Makemake mengambil masa 22.5 jam untuk melengkapkan satu putaran di atas paksinya, lebih kurang sama dengan hari di planet Bumi dan Marikh.

Penemuan planet kerdil seperti Makemake dan Eris telah mendorong Kesatuan Astronomi Antarabangsa untuk mempertimbangkan semula definisi planet dan mencipta kumpulan baru yang bernama planet kerdil.

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Makemake.

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan

Institut Pengajian Termaju (IAS)

Universiti Malaya